

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL

Pemulihan COVID-19

Semua sektor dibuka semula hujung PKPP

Kementerian letak sasaran akhir Ogos jika trend jangkitan baharu menurun

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Operasi semua sektor ekonomi dijangka dibuka semula sepenuhnya pada penghujung tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), Ogos depan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ia adalah sasaran diletakkan Kementerian Kesihatan jika trend jangkitan baharu COVID-19 seperti sekarang atau me-

nurun lagi.

"Kita sudah membuka semula salun dan kedai gunting rambut. Sampai ke penghujung PKPP, kita menjangka boleh membuka semula semua sektor.

"Jika kita boleh mengekalkan kes dengan satu, dua angka dan menurunkan kes lagi, kita boleh membuka semula lebih banyak (sektor dari masa ke semasa)," katanya pada sidang media harian COVID-19, di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, Malaysia boleh mengumumkan bebas daripada jangkitan wabak COVID-19 sekiranya tidak ada kes baharu direkodkan dalam tempoh 28 hari.

Katanya, ia adalah penanda aras yang diguna pakai Kementerian ketika ini.

"Kalau kita lihat, kita dapat menamatkan satu kluster dalam tempoh 28 hari. Justeru, sekiranya kita menggunakan kaedah pemantauan sama dan tiada kes da-

Kalau kita lihat, kita dapat menamatkan satu kluster dalam tempoh 28 hari. Sekiranya kita menggunakan kaedah pemantauan sama dan tiada kes dalam tempoh 28 hari, kita akan mengumumkan bebas COVID-19. Itulah penanda aras kita.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan



Dr Noor Hisham pada sidang media harian COVID-19 di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

lam tempoh 28 hari, kita akan mengumumkan bebas COVID-19.


"Itulah penanda aras kita," katanya.

Mengulas prosedur operasi standard (SOP) pembukaan pusat urut dan refleksiologi yang dikendalikan orang kurang upaya (OKU), Dr Noor Hisham memaklumkan, ia dijangka dibentangkan kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN), minggu depan.

Ketika ini, beliau berkata, SOP itu masih diteliti dan diperkemas-kan Kementerian.

"Kita akan membentangkannya kepada MKN untuk mendapat kelulusan dalam masa terdekat.

"Kita akan melihat dengan teliti SOP yang boleh diguna pakai. Justeru, kita akan bantangkan kepada MKN berkemungkinan pada minggu depan," katanya.



Tiada pertambahan kes kematian, 51 pesakit pulih

Putrajaya: Seramai 51 pesakit wabak COVID-19 dilaporkan pulih sepenuhnya semalam, menjadikan jumlah kumulatif kini mencecah 7,065 atau 84.4 peratus daripada angka keseluruhan kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata jumlah jangkitan baharu

pula 31 kes, setakat jam 12 tengah hari semalam.

Beliau berkata, pertambahan jangkitan baharu itu menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia sebanyak 8,369 dengan jumlah kebolehhajatan 1,186 kes.

"Daripada 31 kes baharu dilaporkan, 11 adalah kes import yang

mendapat jangkitan di luar negara.

"Baki 20 kes adalah penularan dalam negara, iaitu 19 membabitkan bukan warganegara dan hanya satu warganegara Malaysia iaitu kes di Selangor bagi saringan pusat tahfiz.



"Perincian 19 kes dalam kalangan bukan warganegara ialah 16 daripada Kluster Pedas di Negeri Sembilan dan masing-masing satu daripada Kluster Kampung Sungai Lui, Selangor; Kluster Syarikat Pembersihan Kuala Lumpur dan saringan pekerja di Wi-

layah Persekutuan Kuala Lumpur," katanya pada sidang media harian COVID-19, di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, tiada pertambahan kematian akibat COVID-19, semalam dan jumlahnya kekal 118 atau 1.41 peratus daripada jumlah keseluruhan kes jangkitan.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 20

RUANGAN : NASIONAL

Pemulihan COVID-19

Kes penyakit berjangkit menurun

Amalan penjarakan sosial ketika PKP beri kesan positif

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penjarakan sosial diamalkan sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam usaha memutuskan rantaian penularan COVID-19, secara tidak langsung memberi perkembangan positif terhadap beberapa penyakit berjangkit di negara ini.

Berdasarkan statistik dikeluarkan Kementerian Kesihatan (KKM), kes penyakit berjangkit menurun berikutan amalan penjarakan sosial seperti penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD)

turun 44.6 peratus, manakala campak, 58.3 peratus dan cacar air, 44.4 peratus.

Kes denggi juga dilaporkan menurun kepada 11.7 peratus bagi lima bulan pertama 2020.

Bagaimanapun, demam denggi dijangka meningkat mulai akhir bulan ini hingga September.

Pakar Kesihatan Awam (Epidemiologi dan Biostatistik) dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Hayati Kadir, berkata ada beberapa faktor menyebabkan penurunan kes penyakit berjangkit sepanjang PKP dilaksanakan.

Katanya, paling ketara kerana kanak-kanak tidak ke TASKA, maka tidak ada perhubungan sosial antara mereka.

"Faktor lain mungkin ibu bapa mengamalkan kebersihan diri yang tinggi serta memastikan kebersihan diri anak sebelum makan dan selepas ke tandas, kerap membasuh tangan, menutup mu-

lut apabila bersin dan batuk, duduk di rumah serta tidak terdedah dengan persekitaran luar.

"Ini perkembangan yang positif kerana orang awam mula sedar kepentingan menjaga kebersihan diri dan sekeliling mereka," katanya kepada BH.

Dr Hayati berkata, faktor cuaca juga mempengaruhi penurunan kes penyakit berjangkit, misalnya untuk penyakit HFMD.

"Kajian menunjukkan kadar kes HFMD meningkat secara signifikan dengan pertambahan 10 unit suhu dan kelembapan relatif sesuatu tempat.

"Contohnya, kelembapan relatif (70.3 peratus) mempunyai hubungan yang signifikan dengan penyakit HFMD," katanya.

Mengulas jangkakan KKM mengenai gelombang kedua demam denggi akhir bulan hingga September depan, Dr Hayati berkata, ketika PKP kebanyakan premis ditutup dan hujan lebat me-

nyebabkan air bertakung yang menjadi tempat pembiakan nyamuk.

Katanya, jika premis tidak segera dibersihkan, ia akan menambah tempat pembiakan nyamuk.

"Suhu lebih tinggi juga penyumbang peningkatan kes denggi di samping kelembapan tinggi sangat sesuai untuk nyamuk membiak," katanya.

Ketika PKP, katanya lebih ramai yang berada di rumah pada siang hari berbanding di tempat kerja.

"Nyamuk pula menggigit pada waktu pagi. Populasi nyamuk lebih banyak di kawasan residenti, terutama jika ada takungan air untuk larva nyamuk membiak," katanya.

Justeru, beliau menyarankan premis pejabat, kedai atau kediaman perlu sentiasa dibersihkan bagi mengelak jadi tempat pembiakan nyamuk Aedes.



Paling ketara kerana kanak-kanak tidak ke TASKA, maka tidak ada perhubungan sosial antara mereka.

Dr Hayati Kadir, Pakar Kesihatan Awam (Epidemiologi dan Biostatistik) UPM

Lima lokaliti wabak denggi masih aktif di Terengganu

Kuala Terengganu: Lima lokaliti wabak denggi dikesan masih aktif di Terengganu memabitkan 28 kes sehingga 6 Jun lalu.

Ia memabitkan kawasan di daerah Kuala Terengganu di Kampung Banggol; Kampung Nibong Atas, Bukit Besar; Taman Ibai Indah, Kuala Ibai; Lorong Seri Tanjung, Bukit Besar dan Lorong Kenanga.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Dr Alias Razak, berkata wabak terbabit terkawal dan tiada kematian direkodkan sehingga 6 Jun lalu.

"Berdasarkan rekod, terdapat 13 episod wabak berlaku di Terengganu iaitu 10 di Kuala Terengganu, dua di Hulu Terengganu dan satu di Kuala Nerus dikesan dalam tempoh Januari hingga 6 Jun lalu.

"Dalam tempoh itu, 176 kes denggi direkodkan berbanding 318 tempoh sama tahun lalu dengan penurunan sebanyak 44.5 peratus.

"Kuala Terengganu merekodkan jumlah tertinggi dengan 99 kes diikuti Kemaman (19), Kuala Nerus (17), Besut (14), Dungun (11), Marang (lapan), Hulu Terengganu (lima) dan Setiu (tiga).

"Semua daerah menunjukkan penurunan kes kecuali Kemaman ada peningkatan berbanding tempoh sama tahun lalu," katanya ketika dihubungi, semalam.



Alias Razak

Dr Alias berkata, 84 kes demam denggi direkodkan bermula pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga 6 Jun dengan peningkatan ketara dilihat awal Mei lalu.

Katanya, orang ramai diingatkan supaya mengambil langkah pencegahan demam denggi dengan menjaga kebersihan kawasan rumah dan sekeliling walaupun berlaku penurunan kes tahun ini berbanding tempoh sama tahun lalu.

"Semua pihak perlu memainkan peranan bagi mengekang penambahan kes denggi di Terengganu," katanya.

Sementara itu di Melaka, EXCO Kesihatan dan Antidadah negeri, Rahmad Mariman, berkata kes demam denggi meningkat 15.49 peratus di negeri itu, selain lima kematian direkodkan sejak awal tahun ini.

Katanya, demam denggi meningkat kepada 1,044 kes sejak awal tahun ini sehingga 6 Jun lalu

berbanding 904 kes tempoh sama 2019.

Beliau berkata, Melaka Tengah mencatatkan angka tertinggi tahun ini iaitu 695 kes diikuti Alor Gajah (161) dan Jasin (198).

Katanya, kerajaan negeri akan menubuhkan jawatankuasa khas bersama Jawatankuasa Bebas COVID-19 Melaka untuk membendung denggi di Melaka.

"Jabatan Kesihatan Negeri dan Pejabat Kesihatan Daerah melaksanakan pelbagai usaha membendung peningkatan kes denggi, selain bekerjasama dengan masyarakat termasuk ahli Jawatankuasa Komunikasi Untuk Perubahan Tingkah Laku (COMBD).

"Sejak tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Mac lalu, kes denggi meningkat, termasuk lima kes kematian, manakala minggu lalu sahaja 21 kes direkodkan.

"Ketika sibuk dengan penularan COVID-19, kita mungkin terlupe wabak asal iaitu denggi.

"Wabak COVID-19 sudah menurun, sedangkan demam denggi terus meningkat, jadi saya bersama Jabatan Kesihatan Negeri serta agensi berkaitan akan memberi fokus untuk memastikan gejala denggi menurun di negeri ini," katanya selepas melawat kawasan panas denggi di Kampung Bukit Pulau, Bukit Katil, di sini, semalam.

Kampung berkenaan adalah satu daripada 10 kawasan panas



Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu, Dr Nor Azimi Yunus (kiri) memeriksa kawasan air bertakung yang menjadi punca pembiakan nyamuk Aedes ketika tinjauan di Bukit Besar, Kuala Terengganu, semalam.

(Foto BERNAMA)

denggi di Melaka.

Rahmad berkata, pihaknya tidak menafikan sikap ambil mudah segelintir masyarakat terhadap kebersihan kediaman, mendorong peningkatan kes.

Justeru, katanya, orang ramai diminta sentiasa mengambil langkah pencegahan demam denggi

dengan menjaga kebersihan kediaman masing-masing.

"Amalan gotong-royong oleh Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JKPK) juga perlu dipergiatkan, di samping mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) ditetapkan kerajaan," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL



Hanya satu kes dalam kalangan warga Malaysia iaitu kes di Selangor bagi saringan pusat tahfiz”

Dr Noor Hisham

31 kes jangkitan Covid-19 semalam

Putrajaya: Jangkitan baharu Covid-19 dalam negara merekodkan 31 kes semalam menjadikan jumlah kumulatif kes keseluruhan penularan wabak itu sebanyak 8,369 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada 31 kes baharu yang dilaporkan itu, sebanyak 11 kes import yang mendapat jangkitan di luar negara.

Katanya, baki 20 kes lagi berkaitan penularan tempatan dengan 19 daripadanya jangkitan dalam kalangan bukan warga Malaysia, hanya satu kes membabitkan warga tempatan.

“Hanya satu kes dalam kalangan warga Malaysia iaitu kes di Selangor bagi saringan pusat tahfiz.

“Perincian bagi 19 kes dalam kalangan bukan warganegara membabitkan 16 kes Kluster Pedas di Negeri Sembilan dan masing-masing satu kes bagi Kluster Kampung Sungai Lui, Selangor, Kluster Syarikat Pembersihan Kuala Lumpur dan kes saringan pekerja di Kuala Lumpur,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media harian

berkaitan Covid-19 di sini, semalam.

Terdahulu, Dr Noor Hisham berkata, terdapat 51 kes yang pulih daripada Covid-19 dengan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya dan discaj wad sebanyak 7,065 kes, 84.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

“Kes aktif dengan kebolehjangkitan Covid-19 membabitkan 1,186 kes dan mereka sudah diasingkan serta diberi rawatan.

“Sehingga kini, hanya lima pesakit positif Covid-19 dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), tiada daripadanya memerlukan bantuan pernafasan,” katanya

Dalam pada itu, beliau berkata, tiada kematian berkaitan jangkitan Covid-19 dilaporkan kepada Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC), setakat jam 12 tengah hari semalam.

Menurutnya, ia menjadikan jumlah kumulatif kes kematian akibat jangkitan wabak berkenaan dalam negara ketika ini kekal 118 kes, 1.41 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

4



MEMERANGI WABAK COVID-19

Laporan NURUL HUDA HUSAIN dan TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

Tambah lagi 31 kes

20 kes dalam kalangan warga asing, hanya satu kes melibatkan rakyat Malaysia

PUTRAJAYA

Kes baharu positif wabak koronavirus (Covid-19) di Malaysia kembali kepada dua digit apabila 31 kes baharu dilaporkan semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pertambahan kes baharu itu menjadikan jumlah kumulatif kes Covid-19 di Malaysia meningkat kepada 8,369 kes.

Menurutnya, lebih separuh daripada kes baharu yang dilaporkan itu melibatkan warga asing.

"Ingin dimaklumkan daripada 31 kes baharu yang dilaporkan, 11 kes adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara.

"Daripada 20 kes penularan dalam negara, 19 kes adalah bukan warganegara dan satu kes melibatkan

warganegara Malaysia iaitu kes di Selangor bagi saringan pusat tahfiz," katanya pada sidang akhbar situasi semasa jangkitan Covid-19 di kementerianannya di sini semalam.

Dr Noor Hisham turut memaklumkan terdapat 51 kes telah pulih.

Katanya, jumlah kumulatif kes yang pulih sepenuhnya daripada Covid-19 dan discaj dari wad adalah sebanyak 7,065 kes atau 84.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Adalah dimaklumkan bahawa tiada pertambahan kes kematian berkaitan Covid-19 dilaporkan pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kematian kekal 118 orang," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, Kluster Pedas di Negeri Sembilan merekodkan 16 kes menjadikan jumlah kumulatif kes positif wabak itu melonjak kepada 276 kes.

"Kita telah kuarantin mereka yang terdedah kepada kes positif.



DR NOOR HISHAM

Kita akan menjalankan saringan iaitu (pada) hari ke-13 akan dijalankan saringan (sekali lagi).

"Apabila saringan ulangan pada 16 kes positif dan sekiranya disahkan positif, kita masukkan (pesakit) ke hospital.

"Keadaan terkawal iaitu mereka dalam penghujung tempoh kuarantin iaitu (di mana) kuarantin sebab ada kontak rapat dengan kes yang positif (sebelum ini)," katanya.

Dalam perkembangan sama, katanya, KKM tidak menolak kemungkinan 11 kes import melibatkan pelajar dari Mesir terdiri daripada pelbagai negeri.

"Kesemua mereka berada di pusat kuarantin di Melaka," katanya.

Beliau berkata, 11 kes import itu dikesan ketika ujian saringan kedua pada hari ke-13.

Terdahulu tular di media sosial empat daripada 11 pelajar Mesir yang disahkan positif berasal dari Kelantan.

'Terima kasih rakan wartawan'

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menzahirkan ucapan terima kasih kepada wartawan dan warga media yang memainkan peranan besar sebagai barisan hadapan dalam menyampaikan situasi sebenar wabak koronavirus (Covid-19) kepada masyarakat.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, seperti yang disebut Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Dr Tedros Adhanom Ghebreyesus sejak awal wabak itu dikenal pasti, dunia berdepan dengan cabaran memerangi virus dan viral yang perlu ditangani serentak.


"Ketika petugas kesihatan dan lain-lain anggota barisan hadapan bertungkus lumus membendung penularan virus Covid-19, pengamal media dan wartawan juga memainkan peranan utama sebagai barisan hadapan memberikan maklumat sahih serta memerangi berita palsu.

"Ini termasuk wartawan, jurugambar, jurukamera di lapangan dan pelbagai petugas di studio, misalnya penyunting, juruberita, petugas media sosial dan sebagainya.

"Pelbagai platform media massa, media sosial dan media baharu digunakan bagi memastikan orang ramai disalurkan maklumat dan berita tepat, cepat dan sahih mengenai Covid-19.

"Namun, semua pengguna media baharu dan media sosial ibarat 'wartawan' menyebarkan maklumat mengenai pelbagai perkara, 24 jam sehari. Inilah konsep *citizen journalism*," katanya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

Rakyat kini petugas barisan hadapan kekang penularan Covid-19

ALOR SETAR - Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), setiap rakyat berperanan sebagai 'petugas barisan hadapan' bagi mengekang penularan koronavirus (Covid-19), sekaligus memutuskan rantaian pandemik itu di Malaysia.

Sehubungan itu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, bagi memperkasa Program Pengurangan Risiko Daerah Covid-19 (DRPP) dalam komuniti, Kementerian Kesihatan Malaysia memperkenalkan konsep Cegah dan Didik, Amal, Patuh

dan Pantau (CAPP).

Menurutnya, CAPP menekankan pelbagai aspek penting yang perlu difahami dan dipatuhi oleh rakyat bagi menangani pandemik Covid-19.

"Rakyat mudah untuk menerima maklumat menerusi pelbagai sumber dan yang paling mudah melalui aplikasi MySejahtera.

"Mereka dapat melihat perkembangan Covid-19 di Malaysia termasuk data-data harian dan kawasan hijau," katanya kepada pemberita selepas melawat Klinik Kesihatan Bandar Alor Setar di sini semalam.



Adham (dua dari kiri) beramah mesra dengan kakitangan Klinik Kesihatan Bandar Alor Setar sempena lawatan beliau di klinik berkenaan semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

THE STAR, FRIDAY 12 JUNE 2020

Nation 5

Covid-19: Current situation globally
(As of 7pm June 11, 2020)

	Malaysia											
	New cases			Total cases			Total deaths			Total recovered		
	31 8,369 118 7,065											
Asean+	China	Singapore	Indonesia	Philippines	Japan	S. Korea	Thailand	Vietnam	Myanmar	Brunei	Cambodia	Laos
Confirmed cases	83,057	39,387	35,295	24,175	17,251	11,947	3,125	332	246	141	126	19
Deaths	4,634	25	2,000	1,036	919	276	58	0	6	2	0	0
Recovered	78,361	26,532	12,636	5,165	15,298	10,654	2,981	320	165	138	125	19
Global Top 10	US	Brazil	Russia	UK	Spain	India	Italy	Peru	Germany	Iran		
Confirmed cases	2,066,611	775,184	502,436	290,143	289,360	287,679	235,561	208,823	186,510	180,156		
Deaths	115,140	39,797	6,532	41,128	27,136	8,115	34,043	5,903	8,844	8,584		
Recovered	808,551	396,692	261,150	N/A	N/A	141,119	168,646	98,031	171,200	142,663		

'28 case-free days the benchmark'

DG: If there are no new cases for four weeks, we'll be in the clear

By JOSEPH KAOS Jr and CLARISSA CHUNG
newsdesk@thestar.com.my

PUTRAJAYA: The Health Ministry will only declare the country free from Covid-19 if there are no new cases for a period of 28 days.

Health Director-General Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said 28 days was the ministry's benchmark as this corresponded to two Covid-19 incubation cycles.

"Currently, for us to declare an end to a Covid-19 cluster, it will take 28 days which refers to two incubation cycles.

"Using this as a benchmark, if the country has zero cases for 28 days straight, we can declare it Covid-19 free," said Dr Noor Hisham at the ministry's daily Covid-19 briefing here yesterday.

Several countries have declared themselves free from the Covid-19

outbreak after seeing no cases for a prolonged period.

New Zealand was declared Covid-19 free after its final patient was discharged. The country had no new active case for a week.

On Wednesday, the Health Ministry declared an end to the Madrasah Solok Duku cluster in Alor Gajah, Melaka, which meant that 35 Covid-19 clusters had been considered closed so far.

The cluster had four positive cases and no deaths.

There are currently 28 active clusters remaining in the country, with new cases detected in the Pedas cluster in Negri Sembilan (16), the Kampung Sungai Lui cluster, Selangor, (1) and the cleaning services company cluster in Kuala Lumpur (1).

Earlier, Dr Noor Hisham had announced 31 new cases and 51



recoveries as at noon yesterday, bringing the current number of active cases to 1,186.

Yesterday's figure marked a return to double digits after three days in a row of single digit daily cases.

Out of the new cases, 11 were imported cases involving returning Malaysians who were all infected in Egypt.

Currently, five patients are being treated in intensive care units and none are on ventilator support.

There are no new deaths, with the death toll remaining at 118.

Malaysia is in its second day of the recovery movement control order (MCO), which is scheduled to end on Aug 31.

Dr Noor Hisham said protocols would be in place for express bus services to operate at full capacity, adding that congestion in such vehicles would not be permitted.

"Passengers of express buses and planes will be screened and must register their details for contact tracing via the MySejahtera app.

"The first thing is that we will be conducting screening. Secondly, we will use apps to trace those who sit (in public transport vehicles).

"If we have such information, even for those boarding a plane, we will allow that," he added.

"What we are worried about is if there is congestion, for instance if the number of passengers who are standing exceeds the number of those sitting, or when the capacity is more than the seats available.

"However, (if in the bus) we can identify those who sit in which seat. That is one way we can go ahead," he said.

On the reopening of reflexology businesses, Dr Noor Hisham said the ministry was in the midst of drawing up guidelines.

"By next week maybe, we will present the SOP (standard operating procedures) to MKN (National Security Council) that can allow reflexology services to resume.

"There are strict guidelines that need to be adhered to and we must balance this with the number of new cases in the country. We have to ensure that there is no spike in new cases," he added.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDER

31 new cases, only 1 M'sian infected locally

► 16 of 19 foreigners who test positive are from a cluster in Negri Sembilan

■ BY ALISHA NUR MOHD NOOR
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: The number of new Covid-19 cases in the country has risen but local transmission among Malaysians remains at a very low level.

Of the 31 new cases reported as of noon yesterday, only one is a Malaysian who has been infected locally.

At his daily media briefing on the pandemic yesterday, Health Director-General Datuk Seri Dr Noor Hisham Abdullah announced that 11 of the new cases were imported. Of the 20 who got it locally, 19 were foreigners.

The new Malaysian patient tested positive at a screening session at a tahfiz school in Ulu Klang, Selangor.

Of the 19 foreigners who also tested positive, 16 were from a cluster in Pedas, Negri Sembilan. The others are from a tahfiz cluster in Kampung Sungai Lui in Selangor, a cleaning company in Kuala Lumpur and a construction site, also in Kuala Lumpur.

Noor Hisham said the new cases brought the tally now to 1,186 active cases.

Another day passed without a fatality, keeping the death toll at 118.

Five patients remain in intensive care.

Yesterday, 51 patients were discharged from hospital, bringing the number of those who have recovered to 7,065.

Noor Hisham also highlighted the problem of a relentless posting of fake news on the pandemic.

"The viral fake news has spread within the community at a much faster rate than the Covid-19 itself," he said.

"Conventional media practitioners are not the only ones that are disseminating the news but these days, all the social media users have become citizen journalists," he said.

"The Health Ministry is grateful to those who spread accurate news with the correct facts and figures. However, many of these citizen journalists are irresponsible. Even worse, there are some who even encourage others to ignore the government's standard operating procedures (SOP) and advice," he said.

Noor Hisham said a total of 266 investigation papers have been opened in relation to the dissemination of fake news about Covid-19. Thirty people have been brought to court, 11 of whom have been warned and another 18 have admitted guilt.